UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEMBANGUNAN MODEL KRITERIA KAFĀ'AH MENURUT 'URUF MASYARAKAT MALAYSIA

NURHANISAH BINTI HADIGUNAWAN

PhD

Jun 2026

ABSTRAK

Peningkatan kes perceraian dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia, khususnya yang berpunca daripada faktor ketiadaan persefahaman sering dikaitkan dengan pengabaian konsep kafā'ah dalam pemilihan pasangan hidup. Kafā'ah merupakan prinsip yang dianjurkan Islam dalam membina keserasian antara pasangan. Namun penentuan kriteria kafā'ah oleh fuqaha adalah bersifat ijtihadi dan boleh berubah mengikut perkembangan masa serta konteks budaya masyarakat. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum wujud satu model kriteria kafā'ah yang komprehensif dan berasaskan 'uruf masyarakat Malaysia yang boleh dijadikan panduan praktikal dalam institusi perkahwinan Islam. Ketiadaan model ini turut memberi implikasi kepada bidang kehakiman syariah apabila hakim tidak mempunyai garis panduan yang khusus dan seragam dalam menilai kes-kes berkaitan wali enggan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk membangunkan satu Model Kriteria Kafā'ah yang berasaskan 'uruf masyarakat Malaysia dengan menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR). Kajian ini melibatkan tiga fasa utama. Fasa pertama adalah analisis keperluan melalui temu bual lima orang informan dan kajian kes ke atas 30 fail kes di Mahkamah Rendah Syariah Selangor. Fasa kedua pula merangkumi proses reka bentuk dan pembangunan model melalui Teknik Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) bersama sepuluh orang pakar serta Teknik Fuzzy Delphi yang melibatkan 20 orang panel pakar. Fasa ketiga merupakan penilaian model melalui kajian tinjauan terhadap 280 peserta kursus praperkahwinan anjuran JAIS di daerah Petaling. Hasil kajian mengenal pasti sebelas kriteria utama kafā'ah yang merangkumi 45 elemen bersesuaian dengan realiti sosial semasa. Model ini berpotensi menjadi rujukan modul pra dan pascaperkahwinan serta panduan dalam pemilihan pasangan berlandaskan konsep kafā'ah dan 'uruf Malaysia.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan dan dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya saya dapat menamatkan perjalanan PhD ini dengan jayanya. Setulusnya, saya ingin merakamkan penghargaan yang mendalam kepada barisan penyelia saya, Profesor Madya Datin Dr. Rafeah Saidon, Dr. Shadli Sabaruddin dan Dr. Fatin Nabilah Abdul Wahid atas segala bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan sokongan yang amat bermakna sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan. Segala panduan yang diberikan menjadi landasan utama dalam memastikan kelangsungan dan kejayaan kajian ini.

Saya turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Mahkamah Rendah Syariah Selangor dan Wilayah Persekutuan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, serta barisan pakar dari institusi pengajian tinggi awam yang telah memberikan kerjasama yang amat baik dalam menyumbangkan pandangan serta maklumat berharga bagi pembangunan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Bahagian Pasca Siswazah UiTM, ACIS Postgraduate Society (APS), Ketua Pusat Pengajian dan Koordinator Pasca Siswazah atas segala bantuan dan sokongan yang amat bermakna dalam melancarkan perjalanan pengajian saya.

Penghargaan istimewa ini saya dedikasikan juga buat suami tercinta, Mohd Hafiez bin Musa serta anak-anak tersayang, Nuha Khayra dan Nuha Humaira yang sentiasa menjadi pendorong utama, memahami pengorbanan dan memberi sokongan tanpa jemu sepanjang saya menempuh cabaran dunia akademik. Tidak dilupakan kepada ummi dan ayah saya yang dikasihi, Hadigunawan bin Hardono dan , terima kasih atas doa yang tidak pernah putus dan restu yang menjadi sumber kekuatan saya selama ini. Jutaan terima kasih juga buat adik-beradik yang sentiasa menjadi penyokong moral yang ikhlas dan setia.

Saya juga ingin merakamkam terima kasih kepada semua rakan seperjuangan dan individu yang telah menyumbang kepada kelancaran dan penyempurnaan tesis ini. Semoga segala jasa baik dan sokongan yang diberikan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah SWT.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA **ii**

DEKLARASI PENULIS **iii**

ABSTRAK **iv**

ABSTRACT **v**

PENGHARGAAN **vi**

ISI KANDUNGAN **vii**

SENARAI JADUAL **xiv**

SENARAI RAJAH **xix**

SENARAI SIMBOL **xx**

SENARAI SINGKATAN **xxi**

JADUAL TRANSLITERASI **xxii**

BAB 1 PENDAHULUAN **1**

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 1

1.3 Permasalahan Kajian 7

1.3.1 Isu Perceraian Disebabkan Faktor Ketiadaan Persefahaman 8

1.3.2 Ketiadaan Model Kriteria Kafā'ah Mengikut 'Uruf Masyarakat Malaysia 10

1.3.3 Isu Ketiadaan Garis Panduan Kepada Hakim dalam Memutuskan Kes Berkaitan Wali Enggan 12

1.4 Persoalan Kajian 14

1.5 Objektif Kajian 15

1.6 Skop Kajian 15

1.7 Limitasi Kajian 16

1.8 Signifikan Kajian 17

1.8.1 Aspek Akademik 18

1.8.2 Aspek Praktikal 18

BAB 1
PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkahwinan adalah satu peraturan atau ketetapan daripada Allah SWT yang bertujuan untuk memenuhi naluri semula jadi manusia melalui penyatuan antara lelaki dan perempuan. Melalui perkahwinan akan membentuk institusi kekeluargaan yang berlandaskan beberapa peraturan hidup yang perlu dipatuhi. Bagi memastikan rumah tangga yang dibina mencapai objektif perkahwinan iaitu mendapatkan ketenangan dan pahala yang berganda, maka penelitian harus bermula sejak dari fasa pemilihan pasangan lagi. Pemilihan pasangan yang betul dan tepat mampu untuk menjamin kestabilan rumah tangga.

Islam telah menetapkan panduan yang sewajarnya dalam memilih pasangan hidup iaitu berasaskan kepada konsep kafā'ah atau sekufu. Sekufu dalam pemilihan pasangan sangat penting kerana ia memberikan impak dalam kehidupan berumah tangga khususnya untuk mencegah kemudaratan (*dharar*) kepada pasangan. Kafā'ah berperanan sebagai asas dalam memastikan bahawa pasangan suami isteri mempunyai keserasian yang akan membawa kepada keharmonian dalam perkahwinan (Mujennih et al., 2024). Dengan kata lain, perkahwinan yang berlandaskan kafā'ah memberikan peluang yang lebih tinggi untuk mencipta keluarga yang bahagia dan stabil.

Namun begitu, dalam masyarakat moden, konsep kafā'ah ini sering kali dipengaruhi oleh budaya dan nilai-nilai tempatan termasuk 'uruf atau adat yang berkembang dalam masyarakat setempat. Oleh demikian itu, dalam bab ini akan memberikan gambaran secara menyeluruh mengenai kajian ini iaitu Model Kriteria Kafā'ah Menurut 'Uruf Masyarakat Malaysia yang merangkumi latar belakang, objektif dan permasalahan kajian. Begitu juga dalam bab ini menjelaskan ruang lingkup dan signifikan kajian ini dilakukan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kafā'ah merujuk kepada konsep kesepadanan atau keseimbangan antara calon suami dan isteri yang membolehkan kedua-dua pihak merasa selesa dan tenteram untuk